

ALPRANAX TABLET

Alprazolam (0.5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ALPRANAX TABLET
2. Bagaimana ALPRANAX TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan ALPRANAX TABLET
4. Cara menggunakan ALPRANAX TABLET
5. Semasa menggunakan ALPRANAX TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ALPRANAX TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan ALPRANAX TABLET

ALPRANAX TABLET digunakan untuk melegakan keresahan, keresahan berhubungan dengan kemurungan, gangguan panik dan gangguan tidur (insomnia).

Bagaimana ALPRANAX TABLET berfungsi

ALPRANAX TABLET digolongkan dalam kumpulan ubat- ubatan yang dikenali sebagai benzodiazepine. Ubat ini akan mempengaruhi aktiviti kimia di dalam otak untuk menggalakkan tidur dan mengurangkan keresahan dan kebimbangan.

Sebelum menggunakan ALPRANAX TABLET

- Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak boleh mengambil ALPRANAX TABLET jika anda alah terhadap alprazolam atau benzodiazepine yang lain.

- Sebelum mula menggunakan ALPRANAX TABLET

Berbincang dengan doktor anda jika anda:

- a) Hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusukan anak.
- b) Mengalami kemurungan.
- c) Pernah mengalami sebarang penyakit jiwa yang memerlukan rawatan di hospital.
- d) Alah terhadap sebarang ubat lain.
- e) Mempunyai sebarang masalah kesihatan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat-ubatan boleh menjejaskan fungsi ALPRANAX TABLET, termasuknya:

- Antipsychotic (untuk merawat penyakit jiwa/emosi)
- Sedatif (untuk memberi kesan ketenangan atau membantu anda tidur)

- Ubat untuk kemurungan
- Ubat penahan sakit
- Ubat untuk mengawal sawan
- Ubat pelali
- Antihistamin sedatif (untuk melegakan selesema)
- Cimetidine (untuk merawat refluks asid dan ulser)
- Pil perancang
- HIV protease inhibitor (digunakan dalam jangkitan HIV)
- Antibiotik seperti erythromycin
- Antifungus seperti ketoconazole

Selain itu, anda juga perlu memberitahu mereka tentang semua ubat yang anda sedang ambil, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi.

Mengambil ALPRANAX TABLET dengan ubat opioid (ubat untuk melegakan kesakitan) boleh menekan sistem saraf pusat anda. Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat opioid.

Dapatkan rawatan perubatan segera jika anda atau orang yang mengambil ubat ini mengalami gejala-gejala pening yang luar biasa, mengantuk ekstrem, perlahan atau bernafas sukar, atau tidak bertindak balas.

Cara menggunakan ALPRANAX TABLET

- Berapa banyak harus digunakan

Dos optimum ALPRANAX TABLET akan berbeza untuk setiap orang. Sila berjumpa dengan doktor anda sebelum menggunakan ubat ini.

- Bila perlu digunakan

ALPRANAX TABLET perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ubat ini boleh diambil segera selepas makan atau perut kosong.

- Berapa lama perlu digunakan

ALPRANAX TABLET harus digunakan untuk tempoh yang singkat (2-4 minggu) sahaja. Penggunaan untuk jangka panjang adalah tidak digalakkan kecuali dinasihati oleh doktor anda kerana ubat ini akan menyebabkan kebergantungan ubat.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos ALPRANAX TABLET dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin.

Jika sudah beberapa jam selepas masa makan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Minta bantuan perubatan dengan segera jika anda atau orang lain mengambil terlebih dos.

Semasa menggunakan ALPRANAX TABLET

- Perkara yang perlu dilakukan

Ikut preskripsi doktor anda semasa mengambil ALPRANAX TABLET.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil ALPRANAX TABLET untuk jangka masa panjang, berhenti mengambil ubat ini atau mengubah rejim dos tanpa arahan daripada doktor. Jangan berikan ALPRANAX TABLET kepada sesiapa walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan pengambilan alkohol semasa rawatan dengan ALPRANAX TABLET. Jangan memandu kereta atau mengendalikan jentera yang berbahaya selepas mengambil ubat ini kerana ubat ini akan menyebabkan kesan mengantuk atau pening kepala pada sesetengah orang.

Kesan-kesan sampingan

ALPRANAX TABLET biasanya boleh menyebabkan rasa mengantuk, pening kepala, penglihatan kabur, gangguan koordinasi, ketidakselesaan perut dan masalah sistem saraf. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

ALPRANAX TABLET

Alprazolam (0.5mg)

Cara penyimpanan dan pelupusan ALPRANAX TABLET

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap.

- Pelupusan

ALPRANAX TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Ubat ini tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

ALPRANAX adalah tablet merah jambu berbentuk ellips dengan rupa bentuk "  " " 

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Alprazolam

Bahan tidak aktif:

Magnesium Stearate

Povidone

Polyethylene Glycol

Sodium Starch Glycolate

Etrythrosine Lake

Lactose

- Nombor MAL:

MAL06011717AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

16/07/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)240408/1245